

Pindaan AUKU lonjak imej warga IPT

BH 29/7/08 M/S 38

PERUBAHAN besar dalam pindaan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) ialah memperkasa tadbir urus, kebebasan bersuara oleh seluruh warga kampus dan sekali gus sikap peduli Kementerian Pengajian Tinggi terhadap kebajikan ahli akademik dan mutu keperibadian serta sahsiah pelajar yang dijanakan.

Tentu sekali, akauntabiliti dan ketelusan menjadi asas sistem tadbir urus sesebuah universiti yang didakwa tidak bebas.

Benarkah hal ini berlaku jika sering didakwa bahawa Naib Canselor bersifat lantikan politik dan akibatnya semua ketua pejabat daripada dekan, pengarah dilantik ketua eksekutif itu bukan pilihan warga kampus?

Apakah ini sesuatu yang membimbangkan jika persekitaran kondusif penting untuk kecemerlangan universiti? Bukankah ini amalan biasa kerana setiap kali air pasang, pantai berubah?

Tidak mungkinkah akan dan sudah wujud perasaan berpuak dan semangat kronisme jika tadbir urus masih

diketahui pihak yang sama dalam tempoh yang lama. Kenapa tiada peralihan kuasa dan penonjolan muka baru bukan daripada pihak yang sama? Apakah ini rintihan dan keluhan rasa warga kampus sehingga AUKU perlu dipinda?

Persoalannya sekarang sama ada tadbir urus bebas pembabitan orang politik atau akibat kehendak politik, seorang pemimpin akademik mestilah orang yang berintegriti, jujur, ikhlas dan berjiwa besar menghayati aspirasi nasional, bukan sekadar melukut di tepi gantang.

Dia seorang yang popular kerana kekananan, kepakaran, keserjanaan bukan pandai bermain politik. Dia bukan saja dipilih ramai bahkan berpijak di bumi nyata kerana prinsip perjuangan yang berlandaskan aspirasi nasional dan agenda bangsa dan negara.

Justeru, AUKU mesti menjanjikan kebebasan bersuara untuk warga kampus yang terbatas dan berhemah bukan menang sorak kampus tergedai! Kebebasan menulis, mengkritik dan berbahas

kerana landasan yang betul dapat menjanakan keintelektualan tinggi, mengasah dan mengasuh warga kampus berwacana dan memupuk minda kritis lagi inovatif.

Seperti kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, modal insan yang dijanakan universiti bukan saja penuh dengan ilmu, bahkan mesti ada bakat dan pemikiran tajam mampu menguasai dunia maklumat yang serba pantas lagi mencabar.

Insan cemerlang perlu diterjemah sebagai sumber ekonomi dan modal yang bakal menjana perekonomian negara sesuai dengan Misi Nasional melahirkan modal insan kelas pertama yang mampu menjadi ejen perubahan ke arah membina tamadun dan menjulang martabat bangsa

Maka, tidak hairanlah soal kepemimpinan universiti di setiap peringkat penting khususnya di barisan pemimpin kanan kerana jatuh bangun sesebuah institusi tertakluk kepada kewajaran dan kecemerlangan kepemimpinan walaupun dia ber-

sifat popular atau lantikan pemegang saham. Kita mesti memimpin bukan dipimpin.

Ketika kita mengejar pencapaian universiti kelas pertama, kita perlu melihat kemampuan dan kelemahan agar soal jurang dan meritokrasi tidak diterjemahkan sebagai pendemokrasian atau peluang yang sama.

Saya berharap AUKU sebenarnya dapat memanfaatkan agenda bangsa bukan sebaliknya walaupun hasrat mempertajamkan pemikiran anak bangsa supaya setaraf dengan bangsa lain dapat direalisasikan dan diperkasakan.

Hanya ahli akademik mengenang manikam. Justeru, biarlah universiti diperkasakan dengan sifat akauntabiliti, ketelusan, amanah dan sifat integriti yang tinggi nilainya. Inilah asas kecemerlangan universiti kita.

**PROF MADYA
MOHAMAD
MD YUSOFF,**

*Pusat Pengajian Komunikasi
USM, Pulau Pinang.*